

## KEMBARA KORBAN DI CHAU DUC & HO CHI MINH, VIETNAM (5H4M)

TARIKH : 15 - 19 JUN 2024

PENERBANGAN : AIR ASIA

### ITINERARI PERJALANAN

TARIKH	PENERBANGAN	DESTINASI	BERTOLAK	TIBA
15.06.2024	AK 520	KUL-SGN	0655	0805
19.06.2024	AK 523	SGN-KUL	1620	1920

#### Harga seorang dalam Ringgit Malaysia berdasarkan bilik berdua/bertiga

Kategori	Hotel yang digunakan			Harga RM	Single Sup.
	Bandar	Malam	Nama Hotel		
Kembara Korban	Chau Duc	2	Bilik Tetamu Huy Co (Berempat)	3,190.00	400
	Ho Chi Minh	2	An Tham Hotel atau setaraf		

#### **HARI 01: KUALA LUMPUR - HO CHI MINH - CHAU DUC (MT, MM)**

Berkumpul di ruang legar perlepasan berhampiran ruang tempat duduk di tepi Restoren Din Tai Fung selewat-lewatnya jam 3.00 pagi. Taklimat dan daftar masuk bagasi. Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Ho Chi Minh. Lawatan ke Bitexco Financial Tower iaitu bangunan dan Menara yang tertinggi di Bandar Ho Chi Minh. Makan tengahari dan solat zuhur (jama'). Bertolak ke Chau Duc (Perjalanan lebih kurang 6 hingga 7 jam bergantung trafik). Daftar masuk bilik tetamu. Makan malam dan rehat.

#### **HARI 02: HARI RAYA AIDILADHA DI CHAU DUC (SP, MT, MM)**

Solat Aidiladha di Masjid Chau Duc. Sarapan pagi. Program sembelihan Qurban. Makan tengahari. Balik ke bilik dan rehat. Sebelah petang, bersiar-siar di pekan Chau Fung, Chau Duc. Makan malam dan aktiviti bebas.

#### **HARI 03: CHAU DUC - HO CHI MINH (SP, MT, MM)**

Sarapan pagi. Daftar keluar bilik tetamu. Bertolak balik ke Ho Chi Minh (Perjalanan lebih kurang 6 hingga 7 jam). Makan tengahari. Daftar masuk hotel di Ho Chi Minh. Aktiviti bebas di Pasar Ben Than (Pasar borong terbesar di Ho Chi Minh yang menjual pelbagai barangan cenderahati, pelbagai jenis kain dan telekung dan turut mengambil upah tempahan pakaian yang boleh siap sewal dalam satu hari. Pasar Ben Than ditutup sekitar 6.00 petang. Pada sebelah malam, pasar malam di sekitar Pasar Ben Than dibuka sehingga tengah malam). Makan malam. Aktiviti bebas.

#### **HARI 04: HO CHI MINH (SP, MT, MM)**

Sarapan pagi. Bertolak untuk lawatan ke Cu Chi Tunnel (Cu Chi Tunnel merupakan terowong berlapis-lapis yang digunakan semasa peperangan. Rombongan akan dibawa menghayati taktik daya hidup di bawah terowong, pengaliran udara dan perangkap-perangkap serta alatan yang digunakan ketika peperangan di Vietnam. Peserta rombongan berpeluang untuk mencuba pelbagai jenis alatan senjata yang ada disediakan di lapangan menembak dengan kos tanggungan sendiri.) Makan tengahari dan solat zuhur (jama') di restoren halal tempatan berhampiran Cu Chi Tunnel. Lawatan ke Muzium Perang dan sesi ambil gambar di hadapan Central Post Office iaitu sebuah pejabat pos lama yang mempunyai ciri dan struktur bangunan klasikal dan cantik. Bangunan ini direkabentuk oleh Alexandre Gustave Eiffel iaitu orang yang sama merekabentuk Eifel Tower di Paris. Pejabat pos ini menempatkan poskad-poskad yang menarik yang boleh dihantar kepada teman-teman di luar negara. Bangunan ini seolah-oleh membawa kita kembali ke zaman 50 dan 60-an. Balik semula ke hotel dan aktiviti bebas di Pasar Ben Than. Makan malam. Aktiviti bebas.

## **HARI 05: BERTOLAK BALIK KE MALAYSIA (SP, MT)**

Sarapan pagi. Aktiviti bebas. Daftar keluar hotel. Makan tengahari. Bertolak ke Lapangan Terbang Antarabangsa Banda Aceh untuk penerbangan balik ke Malaysia.

### **PAKEJ TERMASUK**

Harga pakej adalah termasuk tiket penerbangan antarabangsa (bagasi 20kg), insurans penerbangan, insurans perjalanan peribadi, penginapan (bilik berdua/bertiga) dengan penghawa dingin dan bilik air peribadi, makan seperti yang tertera di dalam itinerari [SP: Sarapan Pagi, MT: Makan Tengahari, MM: Makan Malam], kenderaan berpenghawa dingin, tiket masuk lawatan seperti yang disebutkan di dalam itinerari dan air mineral 1 botol sehari di dalam kenderaan.

### **PAKEJ TIDAK TERMASUK**

Pakej tidak termasuk harga bagi Qurban (bagi yang membuat pendaftaran Qurban dan menyaksikan sembelihan di lokasi sembelihan) dan fidyah (bagi yang ingin melaksanakan fidyah dan menyaksikan agihan di lokasi), lawatan tambahan, perbelanjaan peribadi (seperti minuman, cenderahati, dobi, fi kamera, komunikasi perantara, penghantaran peribadi, tip-tip, makanan dan sebarang perkhidmatan yang tidak disebutkan di dalam itinerari).

### **NOTA**

1. Itinerari tertakluk kepada pindaan bergantung keadaan semasa di lokasi lawatan dan jika terdapat perubahan tarikh Aidiladha di Vietnam.
2. Pendaftaran **selewat-lewatnya sehingga 29 Februari**: Diskaun RM200/seorang
3. Sumbangan lain yang ingin dibawa, peserta perlu maklumkan pengurusan terlebih dahulu. Bagi sumbangan berbentuk barangan, peruntukan bagasi menggunakan peruntukan bagasi persendirian yang telah ditetapkan 20 kg setiap seorang. Jika ada yang ingin membuat tambahan bagasi, sila maklumkan pengurusan untuk tujuan tempahan atas tanggungan sendiri.
4. Berkumpul di ruang legar pelepasan berhampiran Starbucks (ruang legar daftar masuk), KLIA2. Selewat-lewatnya 4 JAM SEBELUM BERLEPAS.
5. Susunan bilik di Chau Duc akan disusun sebilik berempat kerana kuantiti bilik yang terhad. Berbeza dengan hotel di Ho Chi Minh, bilik akan disusun normal berdua atau bertiga.
6. Tarikh tutup pendaftaran: **16 Mei 2024** (Khamis) atau sehingga kuota masih ada.

### **POLISI KANAK-KANAK**

1. Bayi bawah 2 tahun berkongsi bilik dengan dua orang dewasa: 10%
2. Kanak-kanak bawah 12 tahun berkatil dan berkongsi bilik dengan satu (1) orang dewasa: 95%
3. Kanak-kanak bawah 12 tahun dengan katil tambahan berkongsi bilik dengan dua (2) orang dewasa: 85%
4. Kanak-kanak bawah 12 tahun tidak berkatil berkongsi bilik dengan dua (2) orang dewasa: 70%

### **TERMA & SYARAT**

1. Pakej tertakluk kepada Terma dan Syarat Pembatalan yang terkandung di dalam Akta Pelancongan.
2. Harga tertakluk kepada pertukaran yang disebabkan oleh kenaikan tambang kapal terbang, kos pengangkutan lain, kadar hotel, kadar pertukaran mata wang asing, cukai kerajaan dan sebagainya.
3. Lawatan tertakluk kepada sebarang perubahan yang disebabkan oleh keadaan cuaca, jalan, jadual penerbangan, ketersediaan bilik, perayaan tempatan atau keagamaan dan lain-lain keadaan di luar jangka. Jadual lawatan mungkin diubah atau digantikan kepada lokasi alternatif dengan notis pendek.

### **PEMBATALAN PAKEJ**

Bagi sebarang pembatalan pakej yang ingin dibuat oleh peserta atau jemaah, sila semak Terma dan Syarat di laman sesawang: <https://www.ezkembara.com/pembatalan-pakej/> atau dapatkan salinan daripada pihak syarikat. Terma dan Syarat Pembatalan Pakej ini akan berkuatkuasa selepas pembayaran deposit atau penuh bagi sebarang pakej dibuat.